

# PM minta rakyat tolak pelampau

B.H 16 APR 1992

MELAKA, Rabu — Rakyat harus menolak kerajaan pelampau kerana jika golongan itu memerintah, negara akan menghadapi pelbagai masalah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan negeri yang diperintah oleh golongan pelampau sentiasa menghadapi masalah dan iri hati sehingga sanggup mengambil tindakan tidak wajar dan di luar kebiasaan.

"Kita percaya majoriti rakyat Malaysia memilih cara sederhana dan hari ini kerajaan sederhana yang dipilih rakyat berjaya membangunkan negara ini," katanya merasmikan Bangunan Graha Makmur, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka di Ayer Keroh, di sini hari ini.

Katanya, rakyat Malaysia yang berlainan agama, bangsa dan keturunan masih boleh bekerja bersama-sama dan menikmati keamanan kerana memilih kerajaan sederhana.

Dr Mahathir percaya rakyat Malaysia yang sa-

yangkan keamanan akan memilih parti politik sederhana seperti Barisan Nasional (BN) setiap kali pilihanraya.

Dalam sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri menegaskan, jika perlu Malaysia akan membentuk sebuah jawatankuasa khas untuk memberi maklumat mengenai pelaburan dari Taiwan berikutan langkah Parlimen negara itu menangguhkan sementara pelaburan ke Malaysia.

"Kita kecewa dengan tindakan Parlimen Taiwan itu, tetapi ia hak mereka untuk menangguhkan beberapa pelaburan yang dirancang di negara ini. Bagaimanapun, kita mengalukan pelaburan syarikat China Steel dari Taiwan di Melaka," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sedia memberi penjelasan mengenai sebarang kegiatan pelaburan yang dikehendaki oleh negara berkenaan.

Perdana Menteri sempat mengadakan soaljawab dengan beberapa wakil pelaburan Taiwan yang berada di sini.